

**SULIT**

---



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**HBT504 – Penterjemahan dan Kerjaya**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.
2. Jika calon menjawab lebih daripada DUA (2) soalan hanya DUA (2) soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

**SULIT**

1. Jawab [a] dan [b].

[a] Menurut Einsohn (2000), terdapat ENAM prinsip utama dalam kerja-kerja penyuntingan yang berlaku dalam syarikat penerbitan. Huraikan prinsip-prinsip yang digariskan oleh beliau.

[20 markah]

[b] Teliti **PETIKAN A**. Jawab [i] dan [ii].

**PETIKAN A**

*Another activity which is similar to editing is a regular feature of professional translation. It is often noted that translations are easier to read than their sources. That is because experienced translators of non-literary texts tend to produce translations whose writing quality is much superior to that of the source text. To accomplish this, they do not actually prepare an edited version of the source text; instead, they engage in what might be called mental stylistic editing and mental structure/content editing while they translate.*

(Stovall 2014:35)

[i] Jelaskan konsep terjemahan profesional (*professional translation*).

[5 markah]

[ii] Bincangkan dengan kritis penyuntingan gaya mental (*mental stylistic editing*) dan penyuntingan kandungan mental (*mental content editing*) bagi menghasilkan produk terjemahan yang berkualiti kepada klien.

[25 markah]

2. Jawab [a], [b] dan [c].

[a] Bincangkan EMPAT kemahiran diri yang perlu dimiliki oleh penterjemah fungsian (*functional translator*) (Nord, dlm. Tennent, 2005: 210)

[20 markah]

...3/-

- [b] Bincangkan perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh penterjemah atau jurubahasa bagi membantu mereka membuat keputusan untuk mengkhusus dalam mana-mana peringkat pasaran terjemahan yang dinyatakan dalam **PETIKAN B**.

**PETIKAN B**

*Translators should always remember that each translation market has four broad 'layers': (a) general, run-of-the-mill translations; (b) semi-specialised translations; (c) specialised translations and (d) highly specialised translations (Gouadec, 2007: 191).*

[15 markah]

- [c] Seseorang penterjemah tidak memerlukan pengetahuan teori terjemahan dalam menyelesaikan tugas penterjemahan. Bahaskan.

[15 markah]

3. Jawab [a], [b] dan [c].

- [a] Huraikan elemen penting yang perlu ada dalam proses berikut:

[i] Urusbicara antara penterjemah dan klien.

[5 markah]

[ii] Perjanjian antara penterjemah dan klien.

[5 markah]

- [b] Berikan huraian tentang TIGA kategori bahasa seseorang penterjemah dan kaitkan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi hala bahasa dalam terjemahan.

[20 markah]

- [c] Bincangkan dengan tuntas prinsip-prinsip umum penterjemah dan jurubahasa berserta contoh-contoh yang bersesuaian.

[20 markah]